



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاَھْوَالِ اِلَامِ اِسْلَامِ نِیَری سَابَاحْ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

11 JAMADILAKHIR 1446H / 13 DISEMBER 2024M

“PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN: ISU YANG MEMBIMBANGKAN”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾ (النور: 32)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ، فَقَدْ
فَارَزَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٢﴾

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Saya mengingatkan kepada diri saya dan semua jemaah agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala perkara yang ditegah-Nya. Semoga dengan demikian, kita semua diberikan ganjaran pahala serta diberi keluasaan rezeki dan nikmat sama ada di dunia mahu pun di akhirat. Mimbar hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk **“PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN: ISU YANG MEMBIMBANGKAN.”**

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Baginda Nabi Muhammad SAW menganjurkan umatnya agar segera melangsungkan pernikahan secara sah apabila syarat-syarat seseorang

itu telah terpenuhi serta mampu untuk mendirikan rumah tangga. Dalam pada itu, pernikahan merupakan lafaz ijab dan qabul melalui ikatan akad antara pasangan lelaki dan perempuan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Nur, ayat 32 yang dibacakan di awal khutbah:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُعْغِنِهِمْ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

Bermaksud: *"Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui".*

Berdasarkan ayat ini, ia ditujukan kepada para wali, menurut pandangan jumhur ulama`. Ianya satu perintah yang bersifat sunnah, anjuran dan istihsan. Di zaman Rasulullah SAW dahulu, ramai dari kalangan lelaki dan perempuan tidak berkahwin, sedangkan tiada seorangpun dari kalangan mereka yang mengingkari akan perintah tersebut. Menurut Imam al-Syafi'e rahimahullah, zahir ayat *"Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu.."*, adalah sebagai landasan dalil bahawa boleh bagi seorang wali Mujbir menikahkan anak perempuannya sama ada ia setuju ataupun tidak.

Berdasarkan keumuman ayat tersebut, Rasulullah SAW juga pernah bersabda seperti yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang **bermaksud:** *"Perempuan yang masih perawan hendaklah diminta izin tentang dirinya, dan izinnya adalah sewaktu ia berdiam"*. [HR. Muslim: 1421]

Hadith ini menunjukkan kewajiban meminta izin kepada anak perempuan yang masih perawan, serta persetujuannya diambil kira sama ada ia setuju atau tidak. Justeru itu, hadis ini telah membatasi keumuman dari maksud ayat al-Quran yang dibacakan sebentar tadi.

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Sesungguhnya agama Islam menuntut umatnya agar menghebahkan sesuatu perkahwinan kepada ahli keluarga, jiran tetangga dan sahabat handai, agar tidak menimbulkan sebarang fitnah atau tohmahan buruk. Berdasarkan rekod pihak berkuasa agama negeri Sabah, terdapat banyak kes yang melibatkan perkahwinan yang dilaksanakan tanpa kelulusan Pendaftar Pernikahan yang sah. Hal ini merupakan suatu kesalahan jenayah syariah di bawah seksyen 40 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sabah tahun 2004 yang memperuntukkan hukuman denda sebanyak RM1,000 atau penjara tidak melebihi tempoh enam (6) bulan atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Kes-kes perkahwinan yang dilaksanakan secara sembunyi, adat kampung atau dilaksanakan oleh sindiket dan tanpa kebenaran memberi dampak atau kesan yang buruk bukan sahaja kepada pasangan, akan tetapi kepada keluarga dan zuriat yang akan dilahirkan.

Terdapat kes-kes melibatkan anak yang dilahirkan tidak sah taraf seterusnya boleh menyebabkan gugur taraf perwalian sang ayah bagi anak perempuan yang didaftar sebagai anak tidak sah taraf.

Apa yang lebih mendukacitakan ada yang menyalahkan atau memarahi pihak pendaftar dari Jabatan Agama, walhal kesalahan yang berlaku di masa silam itu berpunca dari kecuaiannya mereka sendiri.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Islam telah menggariskan panduan dan undang-undang ketika hendak melaksanakan sesuatu perkahwinan. Proses penyediaan dokumen dan permohonan untuk berkahwin di pejabat agama negeri sangatlah mudah dan tidak merumitkan. Justeru dapatkanlah pengesahan dan kelulusan daripada pendaftar yang diberi kuasa agar tidak timbul isu ataupun konflik. Elakkanlah diri daripada melakukan perkahwinan secara kampung atau melalui individu yang tidak bertauliah sebagai pendaftar perkahwinan yang sah. Perbuatan tersebut boleh menatijahkan sebagai satu kesalahan jenayah syariah yang berkuatkuasa di Negeri Sabah.

HADIRIN JUMAAT YANG DIHORMATI,

Islam agama yang penuh rahmat dan diredai Allah SWT. Justeru itu, janganlah kita membuat sesuatu perbuatan yang akhirnya menjadi suatu kesalahan serta memberikan kesan penindasan terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan kehidupan anak-anak untuk jangka masa yang panjang.

Rasulullah SAW amat melarang keras melakukan kezaliman, malahan Baginda sendiri menyarankan agar kita bermuamalat dengan baik bersama keluarga. Sabda Baginda SAW di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh at-Tirmizi yang **bermaksud**: *“Sebaik-baik kalian, adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah yang paling baik terhadap ahli keluargaku”*. (HR at-Tirmizi, 3895)

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Menyimpul khutbah minggu ini, marilah kita mengambil pengajaran daripada khutbah yang disampaikan seperti berikut:

Pertama: Islam menganjurkan umatnya untuk melangsungkan pernikahan baik untuk anak lelaki dan perempuan yang sudah bersedia untuk memikul tanggungjawab sebagai suami atau isteri demi

mengelakkan diri daripada perbuatan yang melanggar syariat mahupun dosa.

Kedua: Sebuah perkahwinan yang dilaksanakan tanpa kebenaran atau kelulusan pendaftar pernikahan yang sah, merupakan satu kesalahan jenayah syariah di bawah seksyen 40 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sabah 2004.

Justeru itu, marilah kita bersama-sama melaksanakan tanggungjawab kita demi menjaga maqasid syariah dan kemaslahatan berkeluarga seperti yang dikehendaki-Nya. Firman Allah SWT dalam surah adz-Zariyat ayat 49:

وَمِنْ كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٩﴾

Yang bermaksud: *"Dan tiap-tiap jenis Kami ciptakan berpasangan, supaya kamu mengingati (kekuasaan Kami dan mentauhidkan Kami)."*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَهَ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانَا كُوعْ وَكَذَلِكَ عَلَى
فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَان يَغْ تَرَاوَتَام يَغْ دَفَرْتَوَانَا نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.